



GEDONG

MEMUDIK SEJARAH MENGHILIR BUDAYA

AKTIVITI MENANGKAP IKAN

Aktiviti Menangkap Ikan

Pelbagai cara digunakan oleh masyarakat Gedong pada zaman dahulu untuk menangkap ikan. Aktiviti ini penting untuk menyara keluarga. Selain menangkap ikan dengan cara konvensional seperti *merae*, *menontang*, *menjala*, *membubu*, *membelat*, *mengempang*, *menyelambo* dan pelbagai lagi cara lain yang sememangnya sudah menjadi amalan orang yang tinggal di sepanjang sungai Sadong.

Ada beberapa cara menangkap ikan yang dilakukan oleh masyarakat Gedong yang unik dan tidak diamalkan di tempat lain. Selain menangguk *senik*, menangguk *bau* (sejenis anak ikan yang halus dan hadir dengan banyaknya pada musim *legak* atau kemarau) adalah aktiviti wanita di Gedong. Ikan *bau* ini cukup enak dimasak gulai ataupun cucur.

Pada musim *bau* “menjadi”, wanita-wanita Gedong seperti berpesta untuk menangguknya. Hasil tangkapan dijadikan *kasam bau* untuk makanan pada musim berhuma. Cukup enak dimakan dengan beras baharu pada musim berhuma. Hari ini budaya menangguk *bau* sudah hampir hilang daripada aktiviti masyarakat Gedong. Hal ini disebabkan ikan *bau* semakin pupus dan tidak lagi muncul di sungai Sadong.

Aktiviti menangkap ikan yang tidak kurang uniknya ialah menangkap ikan *cangkok* yang biasanya berlaku pada musim kemarau di hulu sungai Sadong, sekitar Merbau dan muara Bare. Pada musim kemarau air sungai berbau hanyir, ikan-ikan pun timbul seperti kena tuba. Udang, ikan *baong*, *bantak*, *buin*, *labang*, *toman*, *kiong*, *dungan* dan lainnya. Maka dengan mudahnya ikan-ikan ini *diseledok* atau dicacak dengan serampang. Ikan yang banyak ini akan disalai ataupun dikasam.

Pada musim tengkujuh, banyak ikan *nyaru* akan mudik

**SUMBER: BUKU GEDONG
MUKA SURAT: 98**



GEDONG

MEMUDIK SEJARAH MENGHILIR BUDAYA

AKTIVITI MENANGKAP IKAN

ke hulu untuk bertelur. Keadaan ini tidak ubah seperti ikan salmon yang mudik ke hulu sungai St. Lawrence untuk bertelur pada musim bunga di Kanada. Bezanya, ikan salmon akan mati selepas bertelur, ikan-ikan di hulu sungai Sadong khasnya ikan yang besar seperti ikan *labang*, *tapah* dan lainnya akan hadir dengan banyaknya memakan telur dan menangkap ikan yang kecil seperti ikan *bantak*, *buin* dan lainnya. Inilah masanya seperti berpesta untuk penduduk Gedong mudik ke hulu sungai Sadong untuk menangkap ikan. Akibat daripada aktiviti inilah akhirnya ada di antara orang Gedong membuka tanah di Merbau dan di Balai Ringin, dan mewujudkan perkampungan Melayu di tempat ini. Sekadar menyebut beberapa nama antara yang membuka tanah di Merbau ialah Abang Jemali bin Abdullah, Baha, Abang Mohamad bin Abg Shamsuddin, Abang Atoi bin Abg Mohamad dan lainnya. Di Balai Ringin antara mereka yang menetap di sana ialah Bujang Bareng dan keluarganya.

Satu lagi cara menangkap ikan yang agak unik di hulu sungai Sadong adalah dengan *meniruk*. *Tiruk* merupakan sejenis alat seperti serampang, tapi bermata satu. Matanya dipakukan pada gagang panjang yang diperbuat daripada kayu belian.

**SUMBER: BUKU GEDONG
MUKA SURAT: 98**